









[General](#)

Warga Kerja UMPH Ikrar Bebas Rasuah

4 October 2019

Kuantan, 2 Oktober- Lebih 300 warga kerja UMP Holdings Sdn. Bhd (UMPH) dan kumpulan membabitkan semua peringkat menandatangani komitmen dan melafaz ikrar sebagai usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam syarikat di hadapan Pengerusi UMPH, Dato Sri Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Negeri Pahang, Sheikh Hamadi Sheikh Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif UMPH, Ir. Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dato Dr Yuserrie Zainuddin.

Komitmen dan lafaz ini bakal memperkasa nilai dalaman organisasi ini dalam melaksanakan mandat yang diberikan dengan integriti yang tinggi malahan memberi mesej kepada masyarakat agar menunaikan tanggungjawab dengan amanah dan tidak prejudis ke atas mana-mana warganya termasuk perbuatan rasuah.

Menurut Ir. Syed Mohamad Hamzah Al-Junid berkata, sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan gerak kerja yang berintegriti tinggi, pihaknya tidak akan membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di dalam organisasi dan dalam semua prosedur termasuk yang melibatkan pembekal, pemegang lesen, pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan.

“Setiap warga kerja juga perlu memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika yang telah dibangunkan demi mewujudkan persekitaran budaya kerja positif dan kondusif. Kita juga akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh yakin dan tanpa sebarang risiko tekanan atau diselubungi perasaan takut,” katanya dalam Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang berlangsung di Dewan Kompleks UMPH di Gambang.

Beliau mengajak semua pihak untuk bersama-sama memupuk dari awal budaya dan nilai korporat yang menjunjung nilai integriti sebagai nadi pergerakan aktiviti UMPH yang merupakan anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP). Nilai integriti ini perlu dizahirkan dalam semua tindakan dan amalan sama ada melalui tauladan kepimpinan, tatacara penampilan serta keterampilan dan yang paling utama adalah sikap (attitude) warga kerja UMPH dalam melaksanakan tugas.

Pihaknya juga akan bekerjasama dengan pihak SPRM dalam meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh yakin dan tanpa sebarang risiko tekanan atau diselubungi perasaan takut.

Dalam pada itu, barisan pengurusan UMP meliputi pegawai utama, dekan, pengarah dan ketua jabatan telah menyempurnakan lafaz ikrar pada 25 Oktober 2017 dan UMP merupakan antara agensi terawal di negeri Pahang yang melaksanakan komitmen perangi rasuah.

- 109 views

[View PDF](#)